FAQ Tentang Emas

Azizi Ali
MBA ChFC

TRUEWEALTH
Making You Better

Dapatkan petunjuk dan bimbingan secara
peribadi daripada Mentor Jutawan #1 Malaysia.
Sertai program Inner Circle sekarang!

www.InnerCircle.my

Diterbitkan oleh True Wealth Sdn Bhd
Tel: 03-7880 1051
Faks: 03-7880 8051
Emel: info@MillionairesPlanet.com
Laman Web: www.MillionairesPlanet.com

Hak cipta © 2017 oleh Azizi Ali

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa juga cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

Edisi Pertama

10 9 8 7 6 5 4 3 2 1
19 18 17

Buku ini dihasilkan untuk memberi pengajaran dan menyalurkan maklumat umum mengenai subjek yang dibincangkan. Ia tidak boleh dianggap sebagai mengandungi nasihat kewangan, sekuriti atau perakuan sekuriti.

Segala strategi yang digariskan dalam buku ini mungkin tidak sesuai bagi individu dan tiada jaminan dikeluarkan untuk menghasilkan satu keputusan.

Tiada jaminan dibuat berkenaan ketepatan atau kesempurnaan maklumat yang terkandung di dalam buku ini. Penulis dan penerbit secara khusus tidak bertanggungjawab terhadap apa juga liabiliti, kerugian atas risiko, perbadi mahupun sebaliknya, yang berlaku akibat, secara langsung atau tidak langsung

AZIZI ALI

FAQ Tentang Emas

ILMU PALING MAHAL

Sekarang benarkan saya berkongsi dengan anda beberapa fakta menarik mengenai emas. Baca dan hayatilah!

- **Berapa banyak emas yang wujud di dunia pada hari ini?**

  Jawapannya mungkin mengejutkan anda. Oleh kerana emas secara praktikalnya tahan selama-lamanya dan tidak berkarat atau luntur, dianggarkan kesemua emas yang pernah dikeluarkan dari dunia ini masih ada di luar sana di sesuatu tempat dan dalam sesuatu bentuk. Itu betul; semua emas yang pernah dikeluarkan masih wujud. Jadi itu bermaksud, syiling emas dalam tangan anda mungkin pernah dipegang oleh Firaun pada satu masa dahulu ataupun pernah menghiasi beberapa kuil Inca!

  Adalah dianggarkan ada sejumlah 161,000 tan emas yang wujud di dunia pada hari ini. Sekiranya semua emas itu dileburkan dan dibentuk semula, ia akan membentuk kiub segi empat dengan saiz berukuran 18 meter, 3 meter pendek daripada kepanjangan satu gelanggang tenis. Atau untuk menyebutnya dalam cara lain, ia akan memenuhi 60 treler traktor. Ia tidaklah banyak, bukan?

  Pada harga $1,200 satu auns, nilainya adalah sekitar $6.8 trilion, yang hanya sekitar 3.6 peratus daripada kumpulan aset kewangan dunia.

- **Negara mana yang mengeluarkan paling banyak emas?**

  Negara Afrika Selatan telah menjadi nombor satu selama bertahun-tahun. Namun kini tidak lagi kerana China telah mengatasi mereka. China mengeluarkan 280.5 tan dalam tahun 2008, diikuti dengan Afrika Selatan (269.9 tan) dan Australia (246.3 tan).

- **Negara mana yang menggunakan paling banyak emas?**

  Jawapannya ialah India. Negara itu menggunakan 555.1 tan emas dalam tahun 2007. Dan terma ‘menggunakan’ di sini bermaksud permintaan, dan bukan ‘penggunaan sehingga lupus.’

- **Apakah kegunaan terbesar emas?**

  Dalam turutan permintaan: barangan kemas (69 peratus atau 2,548 tan), pelaburan (19 peratus atau 703 tan) dan perindustrian (12 peratus atau 441 tan).

- **Apakah itu auns troy?**

  Emas diukur dengan auns troy, yang berbeza dengan auns *avoirdupois* (ukuran yang lebih diketahui umum dan yang digunakan dalam kehidupan seharian kita). Satu auns troy ialah kira-kira 10 peratus lebih berat daripada auns avoirdupois (angka yang tepat ialah 1.097 aun). Satu auns troy ialah tepat 31.1 gram atau 480 grain.

Buku-buku sejarah mengatakan bahawa ia mendapat namanya sempena perayaan Troyes di Champaign, Perancis, iaitu pusat perdagangan yang penting untuk logam-logam bernilai pada abad ke-15.

- **Bolehkah emas dileburkan?**

Ya, ia boleh. Emas boleh dileburkan pada had 1,064.43 *centigrade*. Jangan cuba ini di rumah!

- **Apakah graviti tertentu emas?**

Baiklah, saya akan menjawab soalan ini untuk menggembirakan ahli-ahli sains. Graviti tertentu emas ialah 19.3. Dalam bahasa Melayu, ini bermaksud emas adalah 19.3 kali ganda lebih berat daripada sejumlah sama air.

- **Siapakah yang mula-mula sekali menerbitkan syiling emas?**

Ah, soalan sejarah!

Ia adalah Croesus, maharaja Lydia (kawasan ini terletak di barat Turki), adalah orang yang pertama menerbitkan syiling emas pada tahun 560SM. Apa yang istimewa mengenai syiling-syiling ini ialah sama berat dan nilainya antara satu sama lain, dan oleh itu boleh digunakan sebagai wang seperti yang kita ketahui.

Sesetengah orang mengatakan legenda Raja Midas dan sentuhan emasnya sebenarnya adalah berdasarkan Croesus.

- **Apakah itu karat?**

Emas biasanya dikira dengan karat, iaitu bahagian emas dalam sesuatu produk emas. Emas tulen adalah 24 karat. Angka yang lebih rendah menunjukkan kandungan emas berbanding aloi dalam barangan emas itu. Jadi, 18 karat ialah 18/24 daripada 100 peratus emas atau 75 peratus emas. Bahagian 25 peratus lagi terdiri daripada logam lain yang mungkin boleh jadi perak, tembaga, zink atau paladium. Tujuan utama menambahkan logam lain ialah untuk menguatkan produk itu (emas tulen adalah lembut).

Secara alternatifnya, kandungan emas boleh dikira melalui ‘ketulenan’, iaitu kandungan emas dalam bahagian-bahagian setiap ribu, sebagai contoh 750 (iaitu 75 peratus atau emas 18 karat). Untuk pengetahuan anda, *carat* (yang dieja dengan huruf ‘c’) pula ialah ukuran bagi mengukur berat batu berharga, terutamanya permata.

Jadual di bawah menunjukkan skala karat yang berlainan dan kandungan emasnya dalam peratus dan ketulenan seperti diterima pakai oleh standard antarabangsa.

Karat	Kandungan Emas (%)	Ketulenan
24	99.9	999
22	91.6	916
18	75.0	750
14	58.5	585

- **Apakah itu emas putih?**

  Emas putih ialah emas 18 karat, yang bermaksud ia dibuat daripada 75 peratus emas dan 25 peratus logam lain. Logam itu menjadi putih kerana ia disalut dengan rodium (logam yang keras, bersinar dan berwarna putih).

- **Apakah itu bulion?**

  Bulion bermaksud satu logam berharga yang disiapkan dan mempunyai berat tertentu. Jadi, jongkong emas dan syiling emas adalah kedua-duanya bulion.

- **Mengapakah premium syiling yang kecil lebih tinggi daripada syiling 1 auns?**

  Kos membuat syiling agak sama tanpa mengira saiznya. Jadi, premium yang dikenakan untuk syiling lebih besar (1 auns) lebih rendah kerana kos pembuatan boleh diratakan kepada jumlah emas yang lebih besar.

  Secara amnya, premium untuk jongkong emas lebih rendah daripada syiling kerana kurangnya kos pengendalian. Sudah tentu, sebaliknya bagi barangan kemas kerana premiumnya lebih tinggi bagi menampung kos pembuatan dan pengendalian.

- **Mengapakah syiling didatangkan dengan nilai muka? Contohnya, syiling 1 auns Kijang Emas mempunyai nilai muka sebanyak RM200. Mengapa?**

  Nilai muka memberikan status niaga kepada syiling berkenaan, yang menjadikannya lebih mudah untuk dibawa merentasi sempadan ke negara-negara lain tanpa dikenakan cukai atau tarif.

  Tetapi sudah tentu, nilai muka hanyalah perkara nominal. Tiada sesiapa yang membeli atau menjualnya pada nilai muka, walaupun pihak yang mengeluarkan syiling itu sendiri. Sebaliknya, syiling itu diniagakan pada harga semasa emas ditambah dengan premium.

- **Kenapakah logam lain dicampurkan dengan emas?**

  Emas tulen adalah lembut jadi logam lain seperti perak dan tembaga selalunya ditambah bagi menjadikannya lebih keras dan tahan lasak. Ini khusus sekiranya emas itu digunakan untuk perdagangan. Segala pengendalian itu akan merosakkan emas, jadi akan menjatuhkan nilainya. Ini juga menjelaskan kenapa kebanyakan barangan kemas adalah dalam bentuk 18 atau 22 karat.

- **Adakah syiling 24 karat lebih baik daripada 22 karat?**

  Jawapan pendeknya, ya.

  Walau bagaimanapun, syiling emas 22 karat akan mempunyai keseluruhan beratnya dalam emas. Berat tambahan itu adalah kerana logam lain telah ditambah kepadanya untuk menjadikannya lebih kuat.

  Kedua-dua syiling *US Eagles* dan *Krugerrand* adalah emas 22 karat.

  Syiling emas *Canadian Maple Leaf*, *Chinese Panda*, *Australian Kangaroo*, *Singapore Lion* dan *Kijang Emas* adalah semuanya 24 karat. Memandangkan kesemua syiling ini adalah bertujuan sebagai pelaburan dan bukan perdagangan semata-mata, ia boleh diterbitkan dalam bentuk emas tulen kerana ia jarang dikendalikan.

- **Di manakah saya boleh menyimpan emas?**

  Walaupun anda boleh menyimpan emas fizikal di mana-mana, ramai orang menyimpannya dalam peti simpanan keselamatan atau peti simpanan di rumah. Peti simpanan keselamatan terdapat di bank-bank terpilih dan yuran yang dikenakan adalah nominal.

- **Adakah emas memerlukan pengendalian atau penjagaan yang khusus?**

  Emas tidak berkarat, luntur atau kotor. Ini bermakna anda tidak perlu membasuhnya, mengelapnya ataupun mencucinya.

  Namun, anda digalakkan menyimpannya dalam tiub original, bekas atau bungkusan plastik bagi mengelakkannya tercalar. Calar itu tidak akan memberi kesan kepada nilai emas itu tetapi ia mungkin memberi kesan kepada harga jualan semula memandang-kan kebanyakan penjual menghendaki emas itu kekal dalam keadaan asalnya yang sempurna.

- **Adakah saya perlu membuat laporan apabila saya membeli emas? Bagaimana ketika saya menjualnya?**

  Anda tidak perlu melaporkan kepada sesiapa atau mana-mana jabatan apabila anda membeli atau menjual emas.

- **Adakah terdapat had maksimum untuk emas yang saya miliki?**

  Tidak, anda boleh membeli dan memiliki sebanyak mana emas yang anda inginkan. Tidak ada kadar maksimum.

- **Di manakah saya boleh menjual emas?**

  Jawapan pertama ialah anda boleh menjualnya di mana-mana di dunia ini.

  Jawapan yang lebih baik ialah tempat yang sama di mana anda membelinya. Anda akan melalui kurang kerenah di sana.

  Ini menjelaskan kenapa anda patut membeli (1) emas dalam bentuk yang paling diterima ramai kerana ia mempunyai pasaran yang paling luas, (2) daripada syarikat-syarikat yang besar kerana peluang untuk mereka tutup kedai adalah rendah.

  Syarikat yang lain mungkin akan membeli emas yang anda beli dari tempat lain tetapi mereka biasanya akan mengenakan caj yang tinggi. Ini mungkin setinggi 25 peratus atau lebih daripada harganya.

- **Adakah saya perlu membayar cukai ke atas keuntungan jualan emas?**

  Tiada cukai ke atas keuntungan jualan di Malaysia (kecuali untuk hartanah). Jadi, ini bermaksud anda boleh menyimpan semua keuntungan anda!

- **Mengapakah penjual tidak menerima kad kredit apabila saya membeli emas?**

  Margin keuntungan emas adalah rendah. Sekiranya anda membeli menggunakan kad kredit, penjual akan terpaksa membayar komisen kepada syarikat kad kredit. Komisen itu akan mengurangkan margin mereka dan mungkin akan terus memakan keuntungan mereka sepenuhnya. Ini menjelaskan mengapa ramai penjual emas tidak menerima kad kredit.

  Walau bagaimanapun, terdapat penjual yang menerima penggunaan kad kredit. Mengapa pula? Jawapannya ialah kerana mereka telah menaikkan harga mereka lebih tinggi daripada harga semasa. Jadi ini akan bermaksud syarikat yang menerima kad kredit itu sebenarnya mengenakan harga yang lebih tinggi daripada biasa.

- **Apakah 'harga semasa' emas?**

  Harga semasa ialah harga teori yang anda perlu bayar sekiranya anda membeli emas secara tunai pada ketika itu. Walau bagaimanapun, tiada sesiapa yang membayar harga ini. Sebagai permulaan, penjual akan menambah premium kepada harga semasa ini. Premium ini adalah bagi menampung kos pembuatan, simpanan, pengangkutan dan sudah tentu, keuntungan mereka. Sebaliknya akan berlaku apabila mereka membeli daripada anda. Mereka akan membayar harga yang lebih rendah daripada harga semasa supaya mereka dapat mengaut untung sekali lagi.

  Bagi merumitkan lagi keadaan, terdapat beberapa jenis harga semasa, bergantung kepada lokasi yang anda lihat. Ia boleh jadi *London Gold Fix* ataupun COMEX (*Commodity Exchange*, sebahagian daripada Bursa Dagangan *Mercantile* New York). Menurut mereka yang berpangkalan di London, harga mereka lebih utama kerana Persatuan Pasaran Bulion London mempunyai sejarah terpanjang dan juga pusat global terbesar bagi transaksi di atas kaunter untuk emas dan perak.

  Bagaimanapun, menurut mereka yang berpangkalan di New York pula, harga mereka lebih utama kerana COMEX ialah bursa yang paling sibuk mendagangkan pasaran hadapan emas. Tambahan lagi, harga merekalah yang ditayangkan di skrin dagangan seluruh dunia dan juga yang digunakan oleh firma-firma emas sebagai asas harga bulion dan syiling bulion.

  Harga semasa emas sentiasa berubah-ubah. Ia ditetapkan dan kemudian ditetapkan semula secara konsisten bagi menggambarkan situasi semasa.

- **Apakah maksud 'di atas kaunter?'**

  Transaksi 'di atas kaunter' adalah kontrak-kontrak yang dibuat secara terus di antara pembeli dan penjual, dan tidak diniagakan melalui broker yang tersenarai di bursa.

- **Kenapakah *Krugerrand* amat istimewa?**

  Walaupun emas telah digunakan bagi perdagangan lebih dari 1,000 tahun yang lalu, ia hilang kepentingannya pada tahun 1930-an apabila syiling emas digantikan dengan wang kertas. Bahkan, tiada syiling emas dikeluarkan sejak kerajaan Amerika Syarikat mengharamkan rakyatnya memiliki emas (kecuali barangan kemas). Dengan peredaran masa, orang ramai mula memandang syiling emas sebagai harta zaman kuno dan emas pun hilang perkaitannya dengan mata wang seharian.

  Namun, pandangan itu telah berubah dalam tahun 1967 apabila *Krugerrand* diperkenalkan oleh kerajaan Afrika Selatan. Ia adalah syiling emas pertama yang dikeluarkan seberat 1 auns troy emas tulen, yang menjadikannya kemas, cantik dan mudah untuk didagangkan. Ia juga mempunyai status wang niaga yang membolehkannya mengelak banyak sekatan, duti, dan cukai yang dikenakan oleh banyak negara ke atas emas bulion. Ini adalah berita baik bagi kerajaan Afrika Selatan memandangkan mereka mempunyai banyak sekatan dagangan kerana mempraktikkan Dasar Aparteid.

  Memandangkan ia adalah perkara yang baik, negara lain juga turut serta. Kanada mula mengeluarkan *Maple Leaf* pada tahun 1979, China mengeluarkan *Gold Panda* pada tahun 1982 dan Amerika Syarikat pada tahun 1985 apabila mereka mengeluarkan *Gold Eagle*.

- **Apakah itu mata wang fiat?**

  Fiat ialah kereta Itali bersaiz kecil yang pernah dimiliki bapa saudara saya! Baiklah, masa untuk melawak sudah tamat.

  Fiat ialah perintah yang dikeluarkan oleh seseorang atau badan yang mempunyai kuasa untuk menguatkuasakan perintah itu. (Terma ini diambil daripada perkataan Latin *fiat*, yang bermaksud 'biar ia dilaksanakan.') Apabila sesebuah kerajaan mengeluarkan helaian kertas dan menamakannya wang (dan kerajaan memang mempunyai sumber dan kuasa menguatkuasakan perintah itu), wang kertas itu kini mempunyai nilai dan menjadi mata wang – mata wang fiat. Sudah tentu, ia hanya bernilai kerana ia didalangi oleh perintah. Semua mata wang dalam dunia pada hari ini adalah mata wang fiat.

- **Apakah itu inflasi?**

  Inflasi ialah kenaikan dalam bekalan mata wang. Ini menjadikan mata wang itu perlahan-lahan kehilangan nilainya dan harga barangan mulai meningkat. Ia sedang berlaku ketika anda membaca kata-kata ini.

- **Apakah itu deflasi?**

  Berlawanan dengan inflasi, deflasi bermaksud kekurangan dalam bekalan mata wang. Ini akan menyebabkan mata wang perlahan-lahan bertambah nilainya dan harga barangan akan jatuh. Inilah yang berlaku ketika 'Masalah Ekonomi Besar' (*The Great Depression*) di Amerika Syarikat dan seluruh dunia pada tahun 1930-an.

- **Apakah itu stagflasi?**

  Ini ialah apabila ekonomi kekal statik. Stagflasi bermaksud tempoh perkembangan ekonomi yang perlahan ditambah dengan kadar inflasi dan pengangguran yang tinggi. Ini berlaku di Amerika Syarikat pada tahun 1970-an.

- **Apakah itu inflasi hiper?**

  Ini adalah perkara buruk – inflasi yang disuntik dengan steroid! Ini ialah apabila inflasi menjadi di luar kawalan dan harga barangan meningkat boleh dikatakan setiap hari! Penyebab utama inflasi hiper ialah peningkatan bekalan wang yang segera dan terlalu banyak (ini satu cara yang sopan untuk mengatakan kerajaan mencetak terlalu banyak wang). Ada banyak contoh tapi saya cuma akan menyatakan lima di sini: Rom purba (dan anda sangka orang purba tidak tahu sangat mengenai wang), Jerman pada tahun 1923, Hungary pada tahun 1946, China pada tahun 1949 (sekiranya anda sangka ia cuma boleh berlaku kepada orang putih) dan Zimbabwe pada hari ini.

  Inflasi hiper juga melanda negara kita dahulu. Ketika penghujung Perang Dunia II (tahun 1945), tentera Jepun yang memerintah Malaya (nama Malaysia pada ketika itu) telah mencetak terlalu banyak mata wang mereka sehinggakan ia menjadi tidak bernilai. Menariknya, nota itu diberi nama 'duit pisang' berikutan motif pokok pisang pada nota berkenaan.

- **Apakah itu Standard Emas?**

  Standard Emas ialah sistem kewangan yang mana medium pertukaran sesebuah negara – iaitu mata wang – boleh ditukarkan kepada sejumlah emas yang telah ditetapkan. Jadi, emas ialah wang, dan wang ialah emas.

  Standard Emas penuh bermaksud suatu keadaan di mana pihak berkuasa kewangan memegang emas secukupnya bagi menukar semua mata wang yang dikeluarkannya menjadi emas pada kadar yang dijanjikan. Bank-bank Pusat di seluruh dunia tidak sukakannya kerana mereka tidak dapat

mencetak wang sesuka mereka. Ini mungkin menerangkan kenapa sistem ini cuma bertahan untuk tempoh yang pendek (dari 1870 sehingga 1914).

Beberapa negara telah melaksanakan Standard Emas, tetapi memberhentikannya pada petanda pertama masalah atau kekayaan yang banyak, yang mana datang dahulu! Sebagai contoh, England telah melaksanakan Standard Emas sepenuhnya dari tahun 1717 sehingga 1914. Amerika Syarikat melakukan perkara yang sama pada tahun 1900 sebelum mengubah peraturannya pada tahun 1914. Sekiranya anda tertanya-tanya apakah yang berlaku pada tahun 1914 yang menyebabkan peninggalan Standard Emas ini, jawapannya ialah Perang Dunia I.

- **Kalau begitu, apakah itu Standard Tukaran Emas?**

Standard Tukaran Emas dicipta semasa Perjanjian Bretton Woods ditandatangani (penjelasannya selepas ini). Dolar Amerika Syarikat diikat pada emas dengan nilai $35 satu auns sementara mata wang lain diikat kepada dolar. Ini mengembirakan Amerika Syarikat kerana ini bermaksud dolar mengambil alih kedudukan emas sebagai mata wang rizab dunia.

- **Apakah itu Perjanjian Bretton Woods?**

Perjanjian Bretton Woods, yang ditandatangani pada penghujung Perang Dunia II dalam bulan Julai 1944 oleh lebih 700 delegasi dari 44 negara, telah memperkenalkan sistem kewangan antarabangsa yang baru. Ciri utamanya ialah pelaksanaan Standard Tukaran Emas.

Ia juga menghasilkan Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia.

Biarpun terdapat dua kelemahan besar dalam perjanjian itu (satu ialah ketiadaan nisbah antara dolar dan emas yang bermaksud kerajaan Amerika Syarikat boleh mencetak sebanyak mana wang yang mereka inginkan), ia berjalan lancar buat seketika. Akan tetapi satu masalah diikuti dengan masalah lain, dan apabila Presiden Amerika Syarikat Richard Nixon memutuskan pertalian antara dolar dan emas dalam tahun 1971, ia menamatkan Perjanjian itu.

Sekiranya anda tertanya-tanya kenapa Bretton Woods, itulah nama bandar di mana mesyuarat itu diadakan – Bretton Woods, New Hampshire, Amerika Syarikat.

- **Apakah itu Perbankan Rizab Sebahagian (*Fractional Reserve Banking*)?**

Perbankan Rizab Sebahagian membolehkan bank menyimpan sebahagian daripada wang pendeposit mereka dalam bentuk wang tunai dan aset cair yang lain dan memberi pinjaman wang selebihnya. Selagi mana sebahagian wang yang disimpan itu cukup untuk memenuhi semua permintaan pengeluaran, sistem ini berjalan lancar.

Berikutan sifatnya begini, sistem ini mengembangkan bekalan wang jauh menjangkaui apa yang sepatutnya.

- **Apakah itu Perjanjian Emas Washington?**

‘Perjanjian Emas Washington’ ialah nama tidak rasmi yang diberikan kepada perjanjian yang ditandatangani di Washington D.C. oleh 15 Bank Pusat negara-negara Eropah. (Ia juga dikenali sebagai ‘Perjanjian Emas Bank-bank Pusat Eropah.’) Kandungan utama perjanjian ini adalah emas patut kekal sebagai elemen penting dalam rizab kewangan global dan supaya negara-negara ini mengehadkan jualan mereka kepada tidak lebih daripada 400 tan setiap tahun selama lima tahun bermula dari September 1999 sehingga September 2004 serta jumlah maksimum untuk tempoh itu untuk tidak melebihi 2,000 tan. Dalam erti kata lain, mereka telah bercadang untuk mengawal harga emas, yang menjadikannya seperti ‘Kumpulan Emas London.’

Biarpun namanya, Perjanjian Emas Washington bukanlah satu perjanjian antarabangsa. Sebaliknya, ia adalah satu bentuk ‘perjanjian persefahaman’ antara Bank-bank Pusat.

Perjanjian itu telah diperbaharui dalam bulan Mac 2004 untuk tempoh lima tahun lagi dengan sedikit peningkatan dalam angka jualan tahunan untuk tidak melebihi 500 tan dan jumlah jualan dalam tempoh ini untuk tidak melebihi 2,500 tan.

Perjanjian ini diperbaharui untuk kali ketiga dalam bulan Ogos 2009. Sembilan belas bank menandatanganinya kali ini dan bersetuju dengan penurunan dalam angka jualan tahunan untuk tidak melebihi 400 tan dan jumlah jualan dalam tempoh ini untuk tidak melebihi 2,000 tan.

Menariknya, Amerika Syarikat dan IMF, dua pemegang emas terbesar, tidak menandatangani mana-mana perjanjian ini.

- **Siapakah yang paling banyak memiliki emas?**

Jadual berikut menyenaraikan pemegang emas terbesar di dunia pada bulan Mei 2016.

Kedudukan Global	Negara	Pegangan Emas (Tan)
1	Amerika Syarikat*	8,134
2	Jerman	3,381
3	IMF	2,814
4	Itali	2,452
5	Perancis	2,436
6	China	1,778
7	Rusia	1,436
8	Switzerland	1,040
9	Jepun	765
10	Belanda	613
11	India	558
27	Singapura	127
51	Malaysia	39

**Angka ini terpaksa diterima pakai walaupun tiada pelawat dibenarkan masuk ke dalam Fort Knox (tempat simpanan emas di Amerika Syarikat) semenjak tahun 1974 jadi kita tidak tahu angka sebenar atau sama ada emas itu benar-benar wujud di sana.*

- **Mengapakah kerajaan Amerika Syarikat membiarkan penurunan nilai Dolar? Bukankah satu mata wang yang kuat menjadi satu sumber kebanggaan sesuatu negara?**

  Ya, mata wang yang kuat akan menjadi sumber kebanggaan kepada sesebuah negara. Tetapi ini akan bermaksud harga barangannya akan menjadi mahal bagi orang asing, yang akan menyebabkan mereka kurang membeli barangan dari negara itu. Sekiranya banyak negara lain melakukannya, maka negara itu akan menghadapi masalah. Mereka akan seterusnya mengalami defisit perdagangan – satu situasi di mana nilai import melebihi nilai eksport dan tidak perlu dinyatakan, itu bukanlah satu perkara yang baik.

  Jadi, dolar yang lemah akan membolehkan negara-negara lain terus membeli barangan Amerika, yang akan membawa balik wang kepada Amerika Syarikat. Bahkan, ini sudah berlaku pada 30 tahun yang lalu. Namun, biarpun kemasukan wang itu, Amerika Syarikat masih mengalami defisit perdagangan kerana mereka banyak membeli daripada negara-negara lain. Defisit perdagangan tahunan mereka bertambah daripada $36.5 bilion dalam tahun 1992 kepada $105 bilion dalam tahun 1995 kepada $378 bilion dalam tahun 2000 dan bertambah menjadi sebanyak $821 bilion dalam tahun 2008!

  Bolehkah anda bayangkan kekacauan yang mungkin berlaku sekiranya nilai dolar naik? Tiada sesiapa akan membeli barangan mereka, negara itu akan kacau-bilau dan berikutan itu, kerajaan Amerika Syarikat akan menghantar tentera mereka untuk menakluki negara Islam yang tidak berdosa!

- **Apakah itu dana *Sovereign Wealth*?**

  Dana *Sovereign Wealth* ialah dana pelaburan sesebuah kerajaan yang ditaja oleh aset tukaran asing. Dana ini diuruskan secara berasingan daripada rizab rasmi sesebuah negara. Perbezaan utama antara keduanya ialah dana ini diuruskan bagi mendapatkan kadar pulangan yang lebih tinggi sementara rizab diuruskan bagi kecairan dan keselamatan.

  Jumlah dana Sovereign Wealth ini berkembang sejak ia dilancarkan pada tahun 1950-an. Ada lebih daripada 40 dana Sovereign Wealth yang beroperasi pada hari ini, menguruskan aset-aset bernilai $3.8 trilion. Tiga daripada dana terbesar ialah Abu Dhabi Investment Authority, Government Investment Corporation (Singapura) dan Government Pension Fund-Global (Norway).

- **Apakah itu Kumpulan Emas London?**

  Ini adalah nama yang diberikan kepada sekumpulan Bank Pusat dari United Kingdom, Jerman Barat, Perancis, Switzerland, Itali, Belgium, Luxembourg, Belanda dan sudah tentu, Amerika Syarikat, yang bersetuju pada tahun 1961 untuk mengumpul sumber mereka bagi mengekalkan harga emas pada $35 satu auns. Kumpulan ini lahir berikutan cadangan (terma yang baik bagi menggantikan ‘perintah’) daripada Robert Roosa, Setiausaha Perbendaharaan Amerika Syarikat yang runsing dengan kejatuhan rizab emas Amerika Syarikat dan permintaan yang meningkat.

Walau bagaimanapun, peningkatan yang dramatik dalam permintaan emas ini seterusnya menghabiskan bekalan kumpulan ini dan bahkan, memaksa setiap ahli menggunakan rizab mereka sendiri supaya dapat memenuhi permintaan. Namun, itu bukanlah satu idea yang baik, lalu kumpulan ini berkubur dengan sendirinya pada tahun 1968.

- **Saya pernah terbaca sesuatu mengenai Isaac Newton memainkan peranan besar dalam sejarah emas. Adakah ini benar?**

Ya, ia benar. Sir Isaac Newton, ialah seorang yang berpengaruh dalam sejarah moden, memainkan peranan besar dalam sejarah emas. Selain daripada menjadi seorang ahli fizik, ahli matematik, ahli astronomi, ahli kimia dan ahli falsafah, dia juga memegang jawatan sebagai *Master of the Mint* (sama seperti Pengerusi *Federal Reserve* pada hari ini).

Dia ditanya mengenai pertalian antara syiling emas dan syiling perak satu ketika dalam tahun 1717. Newton menyarankan harga emas ditetapkan pada 3 paun 17 syiling dan 10.5 pens satu auns. Satu perkara membawa kepada perkara yang lain, dan ini secara tidak langsung memindahkan Britain daripada standard perak kepada standard emas. Harga ini bertahan selama lebih 200 tahun!

- **Apakah itu tahil?**

Tahil ialah unit tradisional Cina untuk menimbang emas. Satu tahil bersamaan dengan 1.2 auns troy. Terma ini masih digunakan di Malaysia, Singapura dan Brunei. Namun, beratnya tidak diseragamkan dan berbeza antara satu-satu negara.

Tahil dalam bahasa Inggeris ialah *tael*.

- **Orang Islam wajib membayar zakat ke atas emas yang mereka miliki. Bagaimana perkiraannya?**

Pertamanya, terdapat dua kategori emas, apabila berbicara mengenai zakat emas: (1) barangan kemas, dan (2) pelaburan.

Barangan kemas adalah emas yang dipakai oleh wanita. (Adalah haram bagi lelaki Islam memakai emas di badan mereka.) Ini termasuk cincin, rantai, loket, gelang tangan, subang, dan sebagainya. Dan untuk menjadikan perkara ini jelas, anda masih perlu membayar zakat walaupun isteri dan anak perempuan tidak menggunakan barangan kemas itu dan hanya membiarkannya berada di dalam laci!

Kadar *mahrub* di negeri Selangor ialah 800 gram. Ini bermaksud, anda hanya membayar zakat sekiranya berat keseluruhan barangan kemas melebihi angka ini. Tidak ada bayaran yang perlu

sekiranya berat emas anda berada di bawah angka itu. Dan ya, zakat hanya perlu dibayar sekiranya anda memiliki emas itu untuk tempoh melebihi satu tahun. Formulanya adalah seperti berikut:

Berat emas x harga semasa pada hari itu x 2.5%

Sebagai contoh, sekiranya berat barangan kemas anda ialah 900 gram dan harga semasa ialah RM50 setiap gram, anda kemudian memasukkan angka-angka ini ke dalam formula:

900 gram x RM50 = RM45,000 x 2.5% = RM1,125.

Maka zakat anda adalah RM1,125.

Kategori kedua ini ialah emas yang disimpan sebagai pelaburan. Ini akan termasuk syiling, wafer, jongkong, perhiasan rumah, dan sebagainya. Atau dalam kata lain, sebarang bentuk emas kecuali yang digunakan sebagai barangan kemas.

Kadar *mahrub* di sini ialah 85 gram. Ini bermaksud, anda hanya perlu membayar zakat sekiranya berat keseluruhan emas adalah melebihi angka ini. Perkiraannya adalah seperti berikut:

Berat emas x harga semasa pada hari itu x 2.5%

Sekiranya berat emas anda ialah 90 gram dan harga semasa ialah RM50 setiap gram, maka;

90 grams x RM50 = RM4,500 x 2.5% = RM112.50.

Zakat anda adalah RM112.50.

Anda boleh membayar zakat ini di mana-mana pusat pungutan zakat di negara ini.

TENTANG PENULIS

Azizi Ali adalah penulis, penceramah dan mentor kewangan #1 di Malaysia.

Buku pertama beliau Jutawan Dari Planet Jupiter telah mengubah senario percetakan di Malaysia. Ianya telah dijual melebihi 300,000 naskah dan menjadi penggerak kepada seminar dan buku kewangan di Malaysia. Sejak itu, Azizi telah menulis lebih daripada 30 buah buku berkenaan kewangan dan penciptaan kekayaan. Tajuk-tajuk buku beliau yang laris di pasaran adalah Bagaimana Hendak Menjadi Jutawan Hartanah, Lahirnya Seorang Jutawan, Pesara Jutawan, Masa Untuk Emas, dan Maharaja Wang. Buku beliau diterbitkan di Indonesia dan juga di Brazil. Buku-buku beliau juga dijual dalam bentuk ebook di Amazon.com.

Beliau telah memberi ceramah di hadapan lebih 400,000 peserta seminar dan kerap muncul di media massa. Diantara organisasi yang telah ialah mengupah beliau ialah Kementerian Kewangan, Suruhanjaya Sekuriti, LHDN, KWSP, CIMB, Eco-World, Tabung Haji dan Petronas.

Azizi adalah pemegang Chartered Financial Consultant (ChFC), pemegang lesen CMSRL (Capital Markets Services Representative's Licence) dan juga memegang ijazah sarjana (MBA) dari University of Bath, UK

Resource Guide

Buku

1. Masa Untuk Emas

oleh Azizi Ali

Terjemahan daripada Get Into Gold: How to Invest in Gold Profitably while Avoiding the Traps. Paparan pengendalian pelaburan emas yang menguntungkan sambil mengelakkan kesilapan-kesilapan besar ketika melabur.

160 muka surat ■ RM39.90



2. Get Into Gold

oleh Azizi Ali

This book shares the secrets on how to invest in the exciting and yet dangerous realms of gold. It starts with the history of gold and move on to explain the choices available for the investor.

188 muka surat ■ RM39.90



3. Rahsia Pelaburan Emas Dan Perak

oleh Jonathan Quek

Buku Rahsia Pelaburan Emas Dan Perak kini membawa anda ke dunia yang sebelum ini tersembunyi daripada orang ramai dan juga media.

258 muka surat ■ RM39.90



4. Silver The New Shine

oleh Dr Kong Voon Sing

Through the book, you will find a new knowledge about how silver can make the world goes around. One of the amazing truths about silver is that the demand has surpassed the supply for 16 straight years since 1990.

134 muka surat ■ RM39.90



Powerpacks

1. Azizi Ali's OMNIBUS - Malay

1 Jutawan Dari Planet Jupiter!
1 Lahirnya Seorang Jutawan
1 Jutawan Ekstrem!
1 Jalan Pintas Kekayaan
1 Pesara Jutawan
1 Jutawan Saham
1 Mencari Maut
1 Masa Untuk Emas
eBook PERCUMA: How I Made Millions by Applying Lessons Learnt From Tun Daim

Harga asal ialah RM~~309.30~~
Tawaran khas – RM249.00 sahaja!

2. Malay Property Powerpack

1 Bagaimana Hendak Menjadi Tuan Rumah Jutawan
1 Bagaimana Hendak Menjadi Jutawan Hartanah
1 Akademi Jutawan Hartanah Untuk Pelabur Baru
1 Langsaikan Pinjaman Perumahan Anda Dalam Tempoh Lima Tahun
eBook PERCUMA: How I Made Millions by Applying Lessons Learnt From Tun Daim

Harga asal ialah RM~~149.60~~
Tawaran khas – RM119.00 only!

Sila layari **www.BookPlanet.com.my** untuk senarai penuh buku-buku yang dapat membantu anda mencapai impian anda.

.com.my
BookPlanet
an online bookstore